

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 23 MEI 2016
SOALAN :

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan penggubalan rang undang-undang supaya Kerajaan mengimplementasikan dasar “plain-packaging” untuk kotak-kotak rokok.

Tuan Yang di-Pertua,

Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 adalah peraturan yang dibuat di bawah Akta Makanan 1983 [Akta 281]. Di bawah seksyen 36, Akta Makanan 1983, peruntukan akta ini menyatakan bahawa segala peruntukan di bawah akta ini juga hendaklah terpakai untuk kawalan hasil tembakau. Di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 terdapat peraturan 15 dan 16 yang diperuntukkan bagi kehendak pelabelan dan pembungkusan paket rokok. Buat masa ini pada peruntukan 15 dalam Peraturan – Peraturan Kawalan Hasil Tembakau, hanya mensyaratkan diadakan amaran kesihatan bergambar dan maklumat kesihatan pada paket dan karton rokok. Manakala

peruntukan 16 pula menekankan pernyataan perkara yang dilarang pada bungkusan hasil tembakau seperti maklumat palsu, mengelirukan atau memperdaya sesuatu produk hasil tembakau. Bagi implementasi "*Plain Packaging*" perubahan kepada peraturan sedia ada hendaklah dilaksanakan. Namun begitu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hendaklah menjalankan konsultasi awam dengan semua yang akan terlibat bagi implementasi ini.